

02 JUN 1998

Francais-Bas

KUMPULAN METROBUS KENDALI FRANCAIS BAS DI CONGO, SUDAN

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 2 Jun (Bernama) -- Republik Demokratik Congo (DRC) dan Sudan telah mendapatkan khidmat Kumpulan Metrobus Malaysia untuk memodenkan perkhidmatan pengangkutan awam di dua negara Afrika itu mengikut sistem francais bersepadu yang pertama seumpamanya di dunia.

Kumpulan Metrobus memiliki hak harta intelek ke atas sistem tersebut yang membahagikan operasi perkhidmatan bas kepada empat bahagian utama dan difrancaiskan kepada pengusaha yang berasingan.

Pengarah Urusan Metro Transportation Systems Sdn Bhd, Mustafa Kamal Wathooth, berkata hari ini bahawa DRC, yang sebelum ini dikenali sebagai Zaire, dan Sudan dijangka menjadi dua negara pertama yang menerima konsep terbaru dalam pengurusan sistem pengangkutan awam itu.

Terdapat empat francais utama mengikut sistem itu -- laluan bas, pembaikan dan penyenggaraan, kedai tayar dan barangan seperti diesel, minyak pelincir, alat ganti dan barangan logam.

Mustafa Kamal memberitahu Bernama syarikat berkenaan telah menandatangani perjanjian untuk mengendalikan projek itu di DRC manakala memorandum persefahaman mengenai perkara yang serupa telah ditandatangani dengan kerajaan Sudan ketika lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad ke sana bulan lepas.

Katanya kerajaan DRC sedang menubuhkan perbadanan tunggal yang akan mengadakan usahasama dengan Kumpulan Metrobus. Perbadanan itu akan memilih pengusaha francais berkelayakan dan setiap pemegang francais akan menjadi pusat keuntungan yang berasingan.

"Setiap francais adalah cukup besar untuk menjadi pusat keuntungan sendiri. Ia akan membawa kepada pembentukan syarikat perkhidmatan awam yang lebih cekap kerana setiap pengusaha francais akan lebih komited untuk mencari keuntungan berbanding konsep lama apabila sebuah syarikat besar mengendalikan semua perkara sendiri," katanya.

Mustafa Kamal berkata Kumpulan Metrobus telah merancang semula konsep francais dan ia yakin konsep itu akan menjadi barangan eksport baru bagi Malaysia pada masa akan datang.

Beliau menyatakan DRC yang mempunyai penduduk berjumlah 47 juta, dengan lima juta daripadanya di ibu negara Kinshasha, merupakan pasaran besar untuk perkhidmatan bas yang moden dan untuk melaksanakan konsep itu.

Sebahagian daripada tugas Metrobus di DRC ialah menghantar 200 buah bas buat permulaannya dan membekal kepakaran dan teknologi dalam melaksanakan projek itu.

"Kerajaan DRC menganggap projek ini sebagai projek nasional yang penting dan saya menjangka negara tersebut sahaja memerlukan sekurang-kurangnya 30,000 bas. Bas-bas ini lama kelamaan akan dipasang di Congo sendiri, dan ini akan mewujudkan banyak kegiatan ekonomi sampingan di negara itu," katanya.

Katanya keperluan pengangkutan awam di Sudan, dengan jumlah penduduk 28 juta (tujuh juta di ibu negeri, Khartoum), juga sangat besar, dan tidak terdapat motosikal di kedua-dua negara itu.

"Kerajaan DRC dan Sudan begitu berminat dengan konsep ini kerana kegiatan sampingan yang akan wujud daripadanya seperti peluang pekerjaan dan industri pembuatan tayar dan alat ganti. Kabinet DRC dijangka membuat keputusan yang pasti mengenai usahasama ini dalam minggu ini," kata Mustafa Kamal.

"Konsep francais tersebut adalah industri tersendiri. Kami menjangka

nilai industri ini di Congo dan Sudan sahaja kira-kira US\$3 bilion," katanya.

Mustaffa Kamal berkata syarikat berkenaan juga akan menubuhkan pusat latihan bagi pemandu bas, mekanik dan pekerja yang berkaitan dalam melaksanakan projek di kedua-dua negara Afrika itu.

Syarikat itu juga telah memasarkan sistem itu di Afrika Selatan, Somalia, Myanmar dan China dan setakat ini sambutan amat menggalakkan.

"Kebaikan perniagaan bas ialah ia 100 peratus tunai, dan ia tidak mungkin terjejas walaupun dalam kegawatan ekonomi. Malah ketika kegawatan ekonomi lebih banyak orang akan naik bas," katanya.

-- BERNAMA

AU NN NMO